

YB PH terima jemputan bertemu PM

BERITA HARIAN

12 JUL 2025

m/s: 6

Kuala Lumpur: Beberapa Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) mengesahkan menerima jemputan bagi pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Isnin ini.

Ada dalam kalangan mereka tidak pasti mengenai butiran yang akan dibincangkan kelak, namun menganggap pertemuan sebelum sesi sidang Dewan Rakyat berlangsung, adalah perkara biasa.

Ahli Parlimen Sungai Petani dari PKR, Mohammed Taufiq Johari, berkata kebiasaannya secara umum ia adalah pertemuan mesyuarat 'pre-council' sebelum persidangan Parlimen yang akan berlangsung mulai 21 Julai ini.

"Tetapi tidak pasti perincian

yang akan dibincangkan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, portal berita melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual mengadakan pertemuan bersama Ahli Parlimen PH, Isnin ini iaitu sehari selepas bekas Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Rafizi Ramli mengadakan forum bagi membincangkan isu berkaitan badan kehakiman.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bangi dari DAP, Syahredzan Johan pula berkata, pertemuan seperti itu memang diadakan dari semasa ke semasa dan ia bukanlah bersifat luar biasa.

"Pertemuan di antara Perdana Menteri dan Ahli Parlimen PH. Tiada apa luar biasa. Kita ada

pertemuan seperti ini dari semasa ke semasa," katanya.

Ketika ditanya sama ada pertemuan itu ada kaitannya dengan tindakan Rafizi, beliau bagaimanapun menafikan perkara terbabit.

Ahli Parlimen Pasir Gudang dari PKR, Hassan Abdul Karim, turut mengesahkan menerima jemputan terbabit namun enggan mengulas lanjut.

"Saya sahkan dapat jemputan dan saya akan hadir, namun biarlah pertanyaan ini tidak dijawab setakat ini," katanya.

Ahli Parlimen Selayang, William Leong Jee Keen, turut mengesahkan menerima jemputan namun tidak mempunyai maklumat terperinci mengenainya.